

Amalan “Kejawen” dalam Menghasilkan Seni Permainan Kuda Kepang di Negeri Johor

(The Kejawen Practice in Producing the Art of Permainan Kuda Kepang in State of Johor)

Siti Islamiah Ahmad^{1*}, Awang Azman Bin Awang Pawi²
Mohd Effindi Bin Samsuddin³

¹Jabatan Sosio Budaya-Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: sitiaza137@yahoo.com

²Jabatan Sosio Budaya-Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: awangazman@um.edu.my

³Jabatan Sosio Budaya-Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: effindi@um.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Siti Islamiah Ahmad
(sitiaza137@yahoo.com)

KATA KUNCI:

Kuda kepang
Amalan “kejawen”
Proses ritual
Unsur mabuk

KEYWORDS:

Kuda kepang
Kejawen practice
Ritual process
Element of trance

CITATION:

Siti Islamiah Ahmad, Awang Azman Awang Pawi & Mohd Effindi Samsuddin. (2023). Amalan “Kejawen” dalam Menghasilkan Seni Permainan Kuda Kepang di Negeri Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002326. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2326>

Tarian kuda kepang adalah tari tradisi masyarakat Jawa. Proses ritual dilakukan sebelum persembahan tarian kuda kepang untuk mewujudkan keadaan mabuk dan terjadinya permainan kuda kepang. Kajian ini bertitik tolak daripada falsafah permainan kuda kepang yang mengandungi unsur trance (mabuk) dan menghujahkan amalan “kejawen” yang digunakan dalam proses ritual permainan kuda kepang bertujuan untuk mewujudkan keadaan mabuk ketika persembahan. Tujuan penelitian adalah untuk mengenal pasti hubungkait amalan tersebut dengan persembahan. Penulisan ini merupakan pengkajian yang mengambil kata kunci “kejawen”, iaitu amalan orang Jawa sebelum mereka beragama Islam. Penulisan jurnal ini menggunakan data yang diperoleh melalui kerja lapangan terhadap empat kumpulan sasaran kajian yang masih bergerak aktif di negeri Johor. Penelitian mengaplikasikan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data melalui pemerhatian, wawancara dan dokumentasi. Tarian ini telah diharamkan dan dilarang persembahannya oleh mufti Negeri Johor kerana mengandungi unsur khurafat dan syirik dalam proses ritual yang dilakukan serta kewujudan mabuk (trance) dalam tarian tersebut. Justeru itu, objektif kajian adalah untuk membincangkan isu persembahan kuda kepang yang masih diteruskan. Teori ritual oleh Roy A. Rappaport digunakan untuk membuktikan perkaitan ritual di dalam persembahan tersebut, iaitu ritual yang dilakukan kerana terikat dengan amalan kejawen mereka. Kertas ini memberi penekanan terhadap pegangan amalan kejawen yang masih diamalkan oleh kumpulan kuda kepang yang

dikaji. Di akhir kertas ini, dapat dijelaskan bahawa tanpa amalan kejawen, tidak akan berlaku keadaan mabuk dan tarian kuda kepang tidak akan terpisah dari strukturnya serta tidak akan terhasilnya permainan kuda kepang.

ABSTRACT

Kuda kepang dance is a traditional dance of the Javanese community that goes through a ritual process and the occurrence of a trance state in the performance. The philosophy of *permainan kuda kepang* is the basis of this research which contains elements of trance and argues for the practice of "kejawen". The objective of the research is to identify the relationship between the practice and the performance which concern the practice of Javanese people before they converted to Islam. The data of the research obtained through field work on four target groups of *kuda kepang* that are still active in the state of Johor. Data collection through observation, interviews and documentation. Research applies a qualitative approach. This dance has been banned and prohibited from being performed by the Mufti of the State of Johor because it contains elements of superstition and polytheism throughout the ritual process performed and the way trance existed in the dance. Ritual theory by Roy A. Rappaport is used to prove the relevance of ritual in the performance, which is tied to their "kejawen" practice. This research gives emphasis on the practice of "kejawen" which is still practiced by the *kuda kepang* group. In conclusion, without the practice of "kejawen" there will be no trance and *permainan kuda kepang* will not happen.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur berkaitan dengan kewujudan amalan kejawen yang digunakan dalam persembahan dan isu pengharaman yang akan memberikan sumbangan dalam bentuk ilmiah dan pendidikan kepada para penyelidik, penuntut, penguatkuasaan undang-undang, pengamal amalan dan masyarakat umum.

1. Pengenalan

Royce (1977) menyatakan kajian budaya sesuatu masyarakat adalah untuk melihat gambaran tentang sesuatu yang terkandung dalam budaya tersebut seperti budaya tari dan amalan-amalannya. Hal ini kerana, kajian tentang tari boleh membawa kepada sejarah budaya masyarakat Jawa sebelum kedatangan Islam yang melibatkan hubungkait budaya masyarakat dikhususkan kepada masyarakat Jawa Malaysia dalam budaya tari mereka.

Perkaitan acara ritual dalam seni persembahan tarian merupakan satu keunikan yang memberi perbezaan kepada gaya persembahan untuk tujuan hiburan. Pemahaman tentang apa, mengapa, siapa, di mana dan bagaimana ia berlaku membolehkan penjelasan dibuat. Kewujudan unsur mabuk (*trance*) memerlukan kesinambungan aspek penghubung yang mempunyai susunan keutamaan yang ditetapkan.

Kajian berfokus pada hubungkait ritual yang dilakukan dalam amalan “kejawen” dan bentuk amalan yang terdapat dalam persembahan yang menyebabkan pemain mengalami keadaan mabuk (trance) yang terdiri daripada pemimpin, penari, pemuzik serta penonton.

Penelitian dilakukan terhadap empat kumpulan sasaran yang dikaji, iaitu:

- i. Kumpulan Seri Desa, Kampung Parit Haji Kahar, Air Baloi, Pontian, Johor
- ii. Kumpulan Seri Budaya, Kampung Parit Paya, Kulai, Johor
- iii. Kumpulan Permatang Palas, Benut, Pontian, Johor
- iv. Kumpulan Felda Taib Andak, Kulai, Johor

Hasil dapatan kajian menjelaskan proses ritual yang dilakukan mewujudkan keadaan mabuk menyebabkan struktur persembahan tarian kuda kepang pada awalnya telah bertukar kepada permainan kuda kepang.

2. Metod Kajian

Kaedah penyelidikan dilakukan melalui pendekatan kualitatif. Data kualitatif bagi pengkajian ini diperolehi dengan cara pemerhatian, temubual, penelitian dokumen atau juga dikenali sebagai data triangulasi. Kaedah kualitatif biasanya menggunakan persoalan seperti, bagaimana, mengapa, siapa dan apa. Kaedah kualitatif ini digunakan dengan meneliti hubungan amalan kejawen yang digunakan dalam seni persembahan kuda kepang.

Reka bentuk kajian adalah perkaitan data tentang pengharaman kegiatan persembahan kuda kepang, keadaan mabuk yang terjadi dan amalan kejawen lalu dikumpul bagi membolehkan data disusun berdasarkan kepentingan persoalan dan objektif kajian.

Kaedah penelitian adalah berdasarkan kaedah temu bual, pemerhatian turut serta dan pendokumentasi terhadap proses ritual. Penelitian dokumen dilakukan dengan membuat kajian literatur melalui pembacaan bahan sekunder yang merangkumi pencarian bahan maklumat dari internet, buku, jurnal terpilih, artikel, esei, hasil latihan ilmiah graduan yang terpilih dan kertas kerja persidangan yang telah melalui proses pemilihan.

Memandangkan kajian yang digunakan adalah berbentuk kajian kes, temu bual merupakan kaedah yang terbaik untuk pengumpulan data. Temu bual merupakan kaedah kajian yang boleh digunapakai untuk mengenalpasti isu yang berkaitan dengan persembahan permainan kuda kepang yang mempunyai unsur mabuk dalam persembahan. Temu bual dilakukan secara bersemuka dan panggilan telefon. Pelaku tersebut adalah gambuh / pemimpin, penari, pemuzik dan penonton yang mabuk. Pemilihan responden adalah berdasarkan peranan mereka sebagai pemain yang turut mabuk dan dapat mengulas tentang proses ritual, keadaan mabuk yang terjadi dan amalan yang mereka lakukan dalam persembahan permainan kuda kepang. Hal ini memandangkan mereka terlibat secara langsung dalam persembahan kes kajian serta mempunyai pengetahuan dan pengalaman mabuk dalam permainan kuda kepang. Kaedah temu bual dilakukan secara informal dan formal. Kebiasaan temu bual ini menjurus kepada data yang agak sulit dan rahsia yang tidak dapat dilihat sewaktu kajian kes dan tidak diberitahu oleh pihak pemberi maklumat. Temu bual pula hanya melibatkan persoalan tentang proses ritual, kewujudan keadaan mabuk dan amalan kejawen yang mereka lakukan dalam persembahan permainan kuda kepang.

Kaedah pemerhatian kes turut dilakukan dan dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu pra kajian kes, kajian kes-kes dan pasca kajian kes. Aksi sewaktu melakukan pemerhatian secara langsung, pengkaji membahagikan kaedah pemerhatian dalam dua bahagian iaitu:

- i. aksi proses ritual dan perkaitannya dengan amalan kejawen yang dilakukan oleh pemain, sebelum, semasa dan selepas persembahan
- ii. pemain yang mencapai keadaan mabuk dan pemerhatian dilakukan terhadap pemimpin, penari, pemuzik dan penonton yang mabuk

Upacara proses ritual dan ciri-ciri yang menyebabkan mabuk dari segi perbuatan, ucapan, syarat, amalan, keyakinan dan kepercayaan adalah data yang perlu diperolehi untuk dianalisis. Melalui penilaian ciri-ciri tersebut dapat diperolehi tentang kefahaman amalan kejawen yang dilakukan oleh pihak penggiat kuda kepang dan perkaitannya dengan seni persembahan tari kuda kepang.

Untuk pengumpulan dokumen bagi penelitian data primer (temubual) dan sekunder (pemerhatian dan pengumpulan dokumen) dua kaedah telah digunakan, iaitu kaedah rakaman video dan kaedah pengambilan fotografi.

2.1. Lokasi Kajian

Negeri Johor adalah salah satu daripada sebelas negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Bermula tahun 1860an, tenaga asing dari Tanah Jawa mula diimport oleh pemerintah Inggeris apabila Johor mengalami kemajuan ekonomi. Hal ini meninggalkan kesan yang besar kerana orang-orang Jawa telah berjaya menempatkan kelompok mereka dalam masyarakat tempatan dan membawa unsur-unsur kebudayaan seperti adat istiadat, tradisi dan amalan mereka. Keturunan ras yang serupa, agama Islam, serta corak hidup yang serupa dengan orang Melayu memudahkan orang Jawa bersatu dengan komuniti Melayu tempatan ([Rahimah, 1997](#)).

Kewujudan kuda kepang dibawa oleh masyarakat Jawa yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia dan terus berkembang serta bertahan terutamanya di negeri Johor dan Selangor ([Rahimah, 1997](#)). Kuda kepang telah berkembang dan sebat di negeri Johor sehingga diangkat sebagai tari tradisi Negeri Johor selain tarian zapin (pengarah Kementerian Kebudayaan dan Kesenian Johor, Abdul Hamid Mohamad, temubual pribadi, Jun 26, 2018).

Proses ritual dilakukan sewaktu persembahan permainan kuda kepang menyebabkan keadaan mabuk (*trance*) terjadi kepada pemain ([Mohd. Kipli, 2009](#); [Roslina, 2014](#)). Justeru kuda kepang menjadi satu persembahan unik kerana kewujudan keadaan mabuk tersebut ([Roslina, 2014](#); [Heristina Dewi, 2016](#)). Keperluan mabuk dalam persembahan tersebut adalah kerana ia merupakan salah satu hiburan bagi mereka yang suka pada persembahan luar biasa yang panjang, tarian yang tidak terikat pada pola lantai, bebas dan perbuatan beraneka gaya dalam bentuk tari mahupun aksi ([Heristina Dewi, 2016](#)).

Keadaan mabuk pada penari menyebabkan mereka tidak sedar akan perbuatan yang dilakukan dan kadangkala membawa kepada kecederaan dan memalukan ketika persembahan. Suasana dan keadaan itu menyebabkan kesemua bentuk persembahan kuda kepang telah diharamkan oleh Jabatan Mufti Negeri Johor. Mereka yang membuat persembahan kuda kepang tersebut adalah terdiri daripada orang-orang Islam dan larangan tersebut adalah bertujuan supaya mereka tidak melakukan perbuatan syirik lagi.

Walaupun persembahan seni kuda kepong telah diharamkan tetapi masih terdapat beberapa kumpulan yang mengadakan persembahan sehingga sekarang. Isu utama adalah mencari penyebab dan jawapan mengapa kelompok masyarakat tersebut masih mengadakan persembahan. Fokus kajian dilakukan terhadap kepentingan persembahan yang berbentuk ritual dalam konsep seni persembahan kuda kepong dan tumpuan diberikan kepada kewujudan keadaan mabuk melalui pemerhatian.

“Tari merupakan salah satu aspek perilaku manusia” (Royce, 1977, p.78) maka pengkajian terhadap perilaku manusia yang bernama masyarakat Jawa harus dilakukan. Pengkajian turut menganalisis kandungan ritual dalam persembahan dan melihat kaitan sifat dan tabiat budaya yang sering dikaitkan dengan amalan lama masyarakat Jawa, iaitu amalan kejawen. Fokus kajian adalah untuk membuktikan penggunaan amalan kejawen dalam proses ritual persembahan permainan kuda kepong yang bertujuan untuk menghasilkan keadaan mabuk.

Mengikut falsafah orang Jawa, walaupun nenek moyang mereka telah meninggal dunia, mereka masih menghormatinya dengan cara berhubung dengan roh mereka (Koentjaraningrat, 1953; Abdul Rahman, 2022). Cara penghormatan tersebut adalah dengan melakukan proses ritual. Pelaksanaan proses ritual boleh dilakukan secara pribadi ataupun melalui persembahan kesenian seperti permainan kuda kepong, wayang kulit, barongan dan ludruk yang dilakukan pada majlis “slametan” (kenduri) kerana menurut Koentjaraningrat (1953), *“masyarakat Jawa suka berkumpul misalnya pada pesta keramaian keluarga”* (Koentjaraningrat, p.440). *“Persembahan kuda kepong lebih mendapat pilihan untuk mengadakan persembahan di sesuatu majlis keramaian kerana sifatnya yang unik dan mewujudkan kehadiran komuniti yang ramai”* (Rizky & Dhalia, 2021, p.18).

Pengkaji mengambil contoh kajian yang dilakukan oleh Rappaport (1967) terhadap masyarakat Maring di New Guinea dalam buku *Pigs for The Ancestors*. Kajian tersebut menjelaskan tentang hubungan manusia dan lingkungannya, iaitu pengaruh dan kekuatan lingkungan terhadap tindakan perilaku manusia. Maka proses ritual dilakukan untuk kesejahteraan masyarakat tersebut dan pengorbanan (“sajen”) disediakan dalam upacara seperti persembahan tarian, permainan alat muzik untuk roh nenek moyang supaya mereka gembira.

Pengkaji memilih negeri Johor sebagai lokasi kes kajian memandangkan pengharaman tersebut dilakukan di negeri Johor. Tumpuan kajian terhadap empat kumpulan kuda kepong yang masih aktif membuat persembahan dan kuda kepong adalah bahan utama dalam kajian kerana tari menyampaikan makna, dilakukan dengan cara yang sama dan mempunyai tujuan yang berbeza serta mempunyai hubungan dengan peserta yang melakukannya (Royce, 1977). Justeru itu penerusan persembahan permainan kuda kepong yang dilakukan mempunyai makna dan tujuan yang berbeza serta mempunyai hubungan dengan peserta yang melakukannya.

3. Hasil Kajian

3.1. Tarian Kuda Kepang

Kuda kepong ialah sejenis kesenian tradisi yang tergolong dalam kategori tarian rakyat. Perkataan “kuda” merujuk kepada haiwan yang bernama kuda dan kata “kepong” pula bererti tunggangan. Sekumpulan penari lelaki menarikan tarian ini dengan menunggang

patung-patung berbentuk kuda yang diletakkan di celah kelengkang mereka. Patung tersebut diperbuat daripada kulit haiwan ataupun buluh yang dianyam. Gaya tarian mereka adalah seperti sedang menunggang dan meniru pergerakan kuda (Mohamed Ghouse, 1990).

Menurut pernyataan Royce (1977), seseorang bergantung terhadap gaya untuk menandakan identiti mereka dan tari berfungsi sebagai simbol identiti yang digunakan dalam kumpulan budaya dan cenderung untuk menunjukkan sesuatu. Pergerakan kuda dijadikan perlambangan yang mewakili haiwan tersebut. Hal ini jelas dinyatakan bahawa, "*Haiwan dikaitkan dengan tari dan tari mengambil contoh daripada pergerakan haiwan*" (Royce, 1977, p.5).

Konsep dalam penceritaan tarian kuda kepong adalah mengenai sembilan orang wali "songo" (wali sembilan) yang menyebarkan agama Islam dengan menunggang kuda di kampung-kampung di tanah Jawa (Mohamed Ghouse, 1990; Roslina, 2014). Perkaitan wali songo dengan sejarah kuda kepong ini juga disebabkan kepercayaan "kejawan" masyarakat Jawa terhadap orang-orang keramat dan pahlawan (Geertz, 1964; Koentjaraningrat, 1953).

Tarian yang menghimpunkan gerak kuda kepong ini dikenali dengan beberapa nama yang berbeza, bergantung kepada daerah-daerah tertentu. "Tarian ini dikenali sebagai "djaran kepong" di Jawa Timur. Nama "kuda lumping" pula menjadi panggilannya oleh penduduk Jawa Barat kerana patung kuda itu diperbuat daripada "lumping" (kulit)" (Elmeida & Silvana, 2019, p.2705). Di negeri Johor seperti di daerah Muar dan Batu Pahat tarian ini dipanggil sebagai "djaran ebleg" manakala di daerah Pontian pula dipanggil kuda kepong mabuk.

Tarian kuda kepong mempunyai dua konsep persembahan, iaitu untuk hiburan dan permainan. Konsep persembahan hiburan tidak melakukan proses ritual tetapi untuk persembahan permainan, harus melakukan proses ritual. Proses ritual ini dipercayai dan sering dikaitkan dengan kuasa mistik dan bantuan alam ghaib melalui "gambuh" (pemimpin yang memiliki isim) yang bertugas (Mohd Kipli, 2009; Heristina Dewi, 2016). Perkaitan sebegini dipercayai sering dikaitkan dengan kenyataan bahawa, "*ramai masyarakat Jawa sering tidak terlepas dari kepercayaan terhadap unsur ghaib yang telah sebatikan dalam diri mereka*" (Roslina, 2014, p.32).

"Diwarisi kepada satu generasi daripada satu generasi yang lain, persembahan kuda kepong sering dimainkan di majlis keramaian dan telah menjadi cara budaya masyarakat Jawa" (Heristina Dewi, 2016, p.140). "*Permainan kuda kepong dipersembahkan sebagai "sajen" kepada roh nenek moyang yang telah meninggal dunia. Mereka dipanggil untuk memberikan berkat kepada semua anggota keluarga apabila roh arwah gembira*" (Rizky & Dhalia, 2021, p.21).

3.2. Mabuk (*trance*) dalam Permainan Kuda Kepang

"*Secara tradisinya, mabuk telah dipupuk dan diamalkan dalam konteks suci seperti dalam pawang asli dan komuniti asas keagamaan kerohanian sebagai pemilikan keadaan*" (Barbara, 2018, p.50). Dalam permainan kuda kepong, terdapat unsur mabuk (*trance*). Keadaan mabuk dalam kuda kepong berlaku terhadap penari kuda kepong sewaktu persembahan sedang berlangsung. Keadaan mabuk dapat dikesan pada penari apabila mereka melakukan perbuatan-perbuatan seperti:

- i) tiba-tiba menggelupur;
- ii) memekik, berlari laju dan mengelilingi gelanggang;
- iii) mengejangkan badan sambil meraung;
- iv) tersembam ke bumi;
- v) jalan terhuyung-hayang; dan
- vi) melompat lalu membaling model kuda kepong.

“Aksi dan simbol itu menandakan perpindahan yang berlaku daripada keadaan sedar kepada keadaan tidak sedar (mabuk)” (Gennep, 1960, p.11). Keadaan mabuk tersebut tidak seperti orang yang mabuk kerana minum arak atau pengambilan dadah. Hal ini terbukti dengan pernyataan Gowan (1975), iaitu, *“Majority of these group trance dance differs from the separate individual trance dance” (p.34).*

Kajian menyatakan bahawa, *“Keadaan mabuk itu dipanggil atau diseru oleh pemain yang memiliki “isim” melalui doa serta mantera, bukanlah datang dengan sendirinya” (Ismawati, 2002, p.127).* Keadaan mabuk berlaku apabila pemain diambil alih oleh makhluk bukan manusia seperti roh, syaitan, kekuatan, haiwan atau benda (Rizky & Dhalia, 2021; Almeida & Silvava, 2019; Thomas & Almeida, 2019). Sewaktu dalam keadaan mabuk, peserta melakukan pelbagai aksi mengikut “isim” yang dibawa dan “danyang” (makhluk halus) yang masuk ke dalam badan pemain tersebut. Hal ini terbukti pernyataan bahawa:

“The experience of trance is related to the surroundings of self-motivation.... Being a pig, a frog, a snake, or a creepy spirit are all an act of inferiority in a very literal, childish and direct way.” (Belo,1960, p.223).

Penulisan menyatakan, *“pemain kuda kepong yang mabuk kebanyakannya adalah atas keinginan diri sendiri tanpa paksaan sebelum mereka hadir ke persembahan tersebut” (Rizky & Dhalia, 2021, p.21).* Terdapat juga penonton yang turut mabuk. Mohd. Kipli (2009) pula berpendapat, ada kalanya mereka ingin menjadi mabuk untuk melepaskan tekanan kerja dan ada juga yang ingin merasai sendiri pengalaman mabuk itu. Hal ini diakui oleh pernyataan bahawa:

“.....trance is less or more of a state pursued by the entity through oriented manner to discharge drives, likely in those trance states which are voluntary the activity is goal oriented” (Gowan, 1975, p.37).

Mohd Kipli (2013) menjelaskan fasa mabuk dalam permainan kuda kepong merupakan fasa yang paling panjang berbanding fasa sebelumnya. Hal tersebut kerana, *“Fasa mabuk dikuasai oleh danyang (makhluk halus)” (Thomas & Almeida, 2019, p.2707).* Manakala *“keadaan mabuk berlaku dalam kawalan “gambuh” dan sentiasa berada di dalam gelanggang persembahan” (Rizky & Dhalia, 2021, p.18).* Menurut informan Karjo Supoyo pula, keadaan mabuk dianggap satu kehebatan dalam kumpulan tersebut dan sekiranya tiada penari yang mabuk, ia mendatangkan perasaan malu pada beliau yang membimbing.

3.3. Amalan “kejawen” masyarakat Jawa

“Masyarakat Jawa di Indonesia mengamalkan kepercayaan sinkretisme, iaitu elemen-elemen yang bertentangan lazimnya dicampurkan dan adalah berkaitan dengan suatu perlakuan atau pendapat yang tidak membahaskan sama ada salah atau benar sesuatu agama” (M. Darori, 2002, p.87). “Sinkretisme ialah suatu sikap yang tidak membahaskan kebenaran atau kepalsuan suatu agama sehingga semua agama dianggapnya benar” (Kholid, 2013, p.288). “Kepercayaan tersebut adalah agama jawi atau amalan kejawen” (Ismawati, 2002, p.5). Perkataan kejawen diambil dari bahasa Jawa, merujuk kepada kata benda yang menggarap maksud dalam bahasa Indonesia, iaitu semua yang berkaitan dengan kepercayaan dan adat Jawa (kejawaan). Kejawen berdasarkan pandangan umum diertikan berkaitan budaya, seni, ritual, tradisi, sikap serta filosofi orang-orang Jawa. “Amalan tersebut dipraktikkan sebelum kedatangan Islam pada abad ke-14, zaman pemerintahan Majapahit dan sebelum mereka masuk Islam” (Koentjaraningrat, 1953, p.48).

Koentjaraningrat (1953) turut menjelaskan sistem budaya amalan kejawen mempunyai pelbagai kepercayaan, konsep, pandangan dan nilai di dalam alam pemikiran masyarakat Jawa. Kejawen yakin adanya tokoh-tokoh keramat, dewa-dewa tertentu, wujudnya roh-roh penjaga, jin dan syaitan yang boleh masuk ke dalam badan manusia sehinggakan seseorang menjadi mabuk. Amalan ini mempercayai kewujudan roh atau semangat nenek moyang mereka yang telah meninggal dunia, makhluk halus dan ilmu ghaib. Dipercayai bahawa pada waktu-waktu tertentu, seseorang boleh berhubung dengan alam ghaib atau roh nenek moyang mereka setiap saat bila diperlukan (Ismail, 1988; Suwardi, 2004). *“Kejawen percaya setiap benda mempunyai jiwa dan roh dan jiwa tersebut mempunyai kuasa yang mampu memberikan impak yang baik atau buruk” (Abbas, 2002, p.54). Ismawati (2002) pula menjelaskan pemujaan dan pemanggilan roh nenek moyang untuk memberi nasihat dan peringatan berkaitan aspek rohaniah mahupun kebendaan akan dilakukan oleh anak cucu keturunannya.*

Koentjaraningrat (1953), menulis dalam bukunya yang bertajuk *Javanese Culture* dan menyatakan, *“At the level of the culture in Javanese religion system, there are various beliefs, views, views and values.” (p.324).* Bagi masyarakat Jawa, alam ghaib adalah berhubungan sangat erat dengan alam empiris kerana kedua-duanya saling meresapi. *“Merealisasikan diri melalui kuasa-kuasa yang tidak dapat dikesan penglihatan dan dipersonifikasikan sebagai roh merupakan sifat ghaib alam” (Suseno, 2002, p.87). “Semua kekuasaan alam dikembalikan kepada semangat halus dan roh-roh” (Ismawati, 2002, p.72).* Oleh sebab itu, mereka yakin bahawa adanya kuasa-kuasa ghaib, hantu, syaitan, dan raksasa dalam alam semesta ini. Syaitan dan hantu tersebut juga mempunyai nama seperti, “dhemit”, “danyang dan lain-lain (Koentjaraningrat, 1953).

Masyarakat Jawa yang berhijrah ke Johor masih ramai yang meneruskan amalan kejawen walaupun mereka sekarang telah beragama Islam kerana sifat dan keyakinan mereka terhadap ciri-ciri amalan tersebut. Terdapat beberapa amalan kejawen yang masih dilakukan seperti:

3.3.1. “Slametan” (kenduri keselamatan)

“Mengikut falsafah Jawa, untuk memperoleh keselamatan dunia, kata kunci “slamet” (selamat) harus dipegang oleh individu” (Ismawati, 2002, p.69). Upacara “slametan” atau “wilujengan” iaitu upacara makan bersama merupakan upacara yang terpenting dalam

amalan kejawan (Koentjaraningrat, 1953; Ridin, 2002) yang dipanggil kenduri oleh masyarakat Melayu. Slametan merupakan tindakan keagamaan dalam kejawan yang dianuti oleh masyarakat Jawa dan merupakan sistem ritual yang terpenting dalam kehidupan masyarakat Jawa daripada hampir semua upacara agama dan ritual dalam sistem amalan kejawan (Muhammad Sulthon, 2002; Djoko, 2002). Slametan dilaksanakan hampir semua peristiwa penting dalam hidup seperti perkahwinan, “sunatan” (berkhatan), kematian dan kelahiran oleh masyarakat Jawa (Ridin, 2002; Sri Suhandjati, 2002; M. Darori, 2002).

Menurut Muhammad Sulton (2002), “slametan lazimnya dianjurkan oleh sebuah keluarga di rumah mereka dan dihadiri oleh para tetamu yang terdiri dari sanak saudara, jiran tetangga, sahabat handai yang dekat atau jauh yang bertujuan untuk mengumpulkan mereka dengan mengadakan majlis makan bersama” (Muhammad Sulton, 2002, p.260). Ridin (2002) menyatakan, “tingkat kemampuan ekonomi keluarga yang berhajat dan tingkat pentingnya slametan tersebut dijalankan menjadi penentu jumlah undangan slametan yang sesuai” (Ridin, 2002, p.132). Pada penghujung majlis, tetamu yang hadir disajikan dengan hidangan makanan yang disebut “sajen” yang berupa nasi “tumpeng” atau turut dikenali sebagai nasi “ambeng”. “Kebiasaannya masyarakat Jawa mengadakan slametan berkat, iaitu berusaha berjaga sampai lewat malam yang dipanggil malam “lek-lekan” (M. Darori, 2002, p.105).

Penulisan dalam buku *The Religion of Java* menyatakan bahawa:

“ The slametan is the Javanese version of what is probably the most ordinary religious tradition in the world, the community banquet and almost everywhere it symbolizes the mystical and societal unity of those who participate ” (Geertz, 1964, p.11).

Slametan dilakukan apabila terdapat upacara penting yang perlu dilakukan untuk upacara slametan tersebut dengan maksud supaya memperoleh keselamatan, sesuatu yang dilakukan agar mencapai sukses dan keluarga mereka dilindungi dari perkara yang tidak baik juga dalam rangka memelihara hubungan baik dengan nenek moyang (Geertz, 1964; Ridin, 2002). “Masyarakat Jawa melakukan majlis slametan untuk berhubung dengan orang yang telah meninggal dunia melalui rohnya” (Abdul Rahman, 2022, p.147).

Roh orang yang telah meninggal dunia dipanggil dan upacara tersebut disempurnakan oleh mereka melalui bunyi-bunyian dan tari-tarian untuk menggembirakan roh nenek moyang yang dipanggil selain agar orang yang masih hidup tidak diganggu dan berkenan memberi barchah kepada keluarganya (Ismawati, 2002; Ridin, 2002). “Bacaan doa yang diketuai oleh individu yang berpengetahuan merupakan suatu perkara penting dalam acara slametan” (Ridin, 2002, p.131). Ismawati (2002) menyatakan, “menjemput orang yang mahir dan sakti dalam bidang ritual ini, dikenali sebagai “prewangan” (bomoh) untuk memimpin acara slametan merupakan salah satu cara untuk menghindar roh nenek moyang yang tidak baik” (Ismawati, 2002, p.5).

Slametan dilaksanakan terutamanya apabila situasi kehidupan mengalami titik-titik yang sukar dan wujudnya perasaan bimbang terhadap terjadinya malapetaka atau terhadap hal-hal buruk yang tidak diingini menimpa diri dan keluarga, namun kadangkala sekadar kebiasaan lazim sahaja yang dilakukan mengikut kesesuaian keadaan (Sri Suhandjati, 2002; Djoko, 2002; Koentjaraningrat, 1953). Ismawati (2002) pula menyatakan, “Slametan diadakan agar kekacauan yang dilakukan oleh

mahluk halus akan hilang dan keadaan berubah menjadi tenteram. Selain bertujuan memohon perlindungan dan berkat daripada “mbahureksa” supaya gangguan mahluk ghaib lain yang diutus oleh seseorang untuk mengganggu keluarga mereka dapat dihindari” (Ismawati, 2002, p.73). Mereka merasakan ketenangan batin akan terusik jika tidak mengadakan slametan kerana ianya sudah sebatu dalam diri. Salah satu persembahan yang dipanggil untuk majlis slametan ialah persembahan permainan kuda kepang.

3.3.2. Isi dan “isim”

Dalam permainan kuda kepang terdapat pengisian ‘isi’ dan “isim” terhadap penari kuda kepang bertujuan supaya danyang menjaga penari, alat muzik dan peralatan persembahan sewaktu permainan kuda kepang dimainkan. Mengikut Roslina (2014), *“isim ialah pengisian isi dalam badan seseorang untuk memiliki kelebihan kuasa batin, kuasa tenaga dan kuasa unik dalam kehidupan mereka atau lebih tepat dikenali sebagai semangat kebatinan” (Roslina, 2014, p.35).* Heristina Dewi (2016) pula menyatakan orang-orang terdahulu yang mendokong kuda kepang berpendapat bahawa mereka mampu berlindung dari bahaya mahluk-mahluk halus yang mengganggu dirinya atau masyarakat sekitarnya dengan menjadi anggota kuda kepang. Justeru itu ahli kuda kepang digalakkan memiliki isim. Cara mengambil isim adalah dengan berjumpa tok guru dan tok guru akan memberikan syarat-syarat tertentu untuk mendapatkan isim tersebut. Contoh syarat-syarat tersebut adalah seperti:

- i) puasa;
- ii) “tirakat”;
- iii) “mutih”;
- iv) “patigeni”;
- v) bertapa dan (Simuh, 1988; Alwi Shihab, 2001).
- vi) menyediakan barang-barang yang perlu untuk proses pengisian isim tersebut.

Pemain yang mengambil isim kebiasaannya akan menjadi mabuk sewaktu persembahan. Isim tersebut merupakan keinginan mereka untuk menjadi ‘sesuatu’ ketika mabuk (perwatakan haiwan). Kebiasaannya, isim yang diambil akan terjadi kepada mereka sewaktu mabuk. Mereka boleh memilih untuk menjadi seekor kuda, monyet, harimau dan sebagainya bergantung pada keinginan serta niat mereka. Isim masuk ke dalam diri peserta melalui bacaan mantera dan ilmu yang diambil daripada tok guru setelah semua syarat yang diminta dipenuhi (Karjo Supoyo, temu bual peribadi, Ogos 30, 2018).

Tok guru yang dipilih untuk mengisi isim pula bergantung pada kesesuaian penari. Setiap tok guru mempunyai syarat untuk sesiapa yang mengambil isim dan setiap syarat berbeza dengan tok guru lain. Peserta yang tidak mempunyai semangat yang kuat dan mempunyai keyakinan yang rendah tidak akan mampu untuk membawa isim tersebut. Isim bergantung pada kekuatan hati serta jiwa dan bukan bergantung pada kekuatan badan. Sesiapa yang mahu mendapatkan isim mestilah berani, yakin dan tabah (Ramadhan Mahpol, temu bual peribadi, April 20, 2019).

Peralatan persembahan juga harus dimasukkan ‘isi’ dengan harapan benda tersebut memiliki ‘kuasa’ dan kelebihan. Peralatan tersebut adalah seperti alat muzik, model kuda kepang dan tali tas. Pengisian bagi isi alat muzik khusus pada angklung. Jika alat muzik tersebut tidak ‘diisi’ dan tidak ‘dijaga’ oleh danyang (mahluk halus) , maka danyang tidak mahu turun ke dalam gelanggang sewaktu persembahan. Alat muzik dan peralatan akan diisi oleh tok guru. Bacaan doa dan mantera akan dilakukan sewaktu tok

guru hendak membuat 'pengisian' (Ramadhan Mahpol, temu bual peribadi, Ogos 30, 2022).

3.3.3. Penyediaan "sajen"

"Sajen" membawa maksud sajian. Sajen adalah upacara yang terlibat di dalam amalan kejawen dan wujud dalam setiap upacara masyarakat Jawa (Ina Dinawati, 2010; Geertz, 1964). Menurut Widyawati (2003), sajen merupakan suatu ritual yang menghidangkan sajian dalam ritual keagamaan yang dijalankan secara simbolik bertujuan untuk menjalankan komunikasi dengan kuasa-kuasa ghaib.

Sajen dalam permainan kuda kepong terdiri daripada dua bentuk, yang pertama ialah sajen yang disediakan untuk danyang kerana danyang yang bertugas menjaga kawasan persembahan akan dipanggil tetapi roh halus lain tidak dibenarkan mengganggu. "Sajen disediakan oleh kumpulan kuda kepong sebanyak sembilan jenis barang yang terdiri daripada pelbagai makanan dan benda kecil yang diatur dalam sebuah bekas seperti dulang dan untuk dimakan oleh peserta yang mabuk" (Ina Dinawati, 2010, p.13). Barang-barang tersebut terdiri daripada minyak wangi cap duyung, bunga kenanga, bubur merah, bedak, pelbagai jenis bunga yang lain dan buah kelapa. Kemenyan juga dibakar sebagai sajen yang digemari oleh nenek moyang (Geertz, 1964; Ismawati, 2002). Sajen tersebut adalah adat amalan kejawen sebagai mendokong keyakinan mereka terhadap wujudnya kekuasaan makhluk-makhluk ghaib yang tinggal di kawasan tempat keramaian seperti "lelembut", "dhemit", jin atau "mbahureksa" supaya tidak menjejaskan ketenteraman, keselamatan dan kebahagiaan keluarga yang berkaitan (Ina Dinawati, 2010; Mohd Kipli, 2009; Ismawati, 2002).

Pemilihan jenis sajen yang disediakan adalah bergantung pada kehendak danyang yang diketahui oleh gambuh ketika majlis tersebut. Penyediaan sajen tersebut akan menyebabkan proses ritual berjalan lancar dan kehadiran makhluk halus akan wujud dalam persembahan (Koentjaraningrat, 1953; Roslina, 2014). Sekiranya sajen tidak disediakan, semangat orang yang mengalami mabuk (*trance*) dalam persembahan tidak dapat dipulihkan. Danyang menjadi enggan untuk mengikut serta persembahan tanpa sajen. Ini kerana peranannya sebagai penentu kepada terjadinya keadaan mabuk yang menerima pengaruh oleh makhluk halus (Mohd Kipli, 2013).

"Sajen yang kedua pula disediakan oleh tuan rumah untuk para tetamu yang hadir, iaitu berbentuk minuman dan makanan yang bergantung pada kemampuan untuk menyediakannya" (Mohd Kipli, 2009, p.65). Sajen terdiri daripada pelbagai jenis makanan seperti nasi "ambang" dan kuih-muih serta kerepek.

3.3.4. Ucapan mantera

Koentjaraningrat (1953) menulis, "*mantera ialah unsur yang penting dalam amalan kejawen yang dapat menyebabkan orang yang melakukannya mencapai keadaan mabuk*" (Koentjaraningrat, 1953, p.343). "*Prinsip mantera pada asalnya adalah magik*" (Mohd Taib, 1989, p.92). Bahasa dan bunyi ucapan mantera dipercayai mengandungi kesaktian. Justeru itu, mantera sering digunakan sebagai media untuk berhubung dengan makhluk halus dan dianggap sakti, iaitu berfungsi dan berkesan. Amalan kejawen juga mempunyai kepercayaan pada semangat. Ismail (1988) menjelaskan semangat itu boleh masuk ke dalam diri seseorang melalui mantera. Dalam permainan kuda kepong mantera dibaca untuk mendapatkan semangat makhluk halus.

Mantera berasal daripada perkataan Sanskrit, iaitu “mantram” yang bererti rumus-rumus sihir. Mantera dipercayai mengandungi kekuatan yang luar biasa yang menjadi media utama atau senjata yang berkhidmat bagi para dukun, pawang atau gambuh untuk berinteraksi dengan makhluk halus. Isi kandungan mantera mengandungi unsur pemujaan, kutukan dan larangan. Mantera berbentuk ucapan melalui bacaan dan doa yang dibaca oleh gambuh untuk memanggil roh-roh yang diperlukan dalam komunikasi mereka. Bacaan doa dan mantera adalah bertujuan untuk orang yang masih hidup berhubung dengan roh orang yang telah mati (Mohd. Kipli, 2009; Abdul Rahman, 2022). Ismail (1988) menyatakan, pembacaan kalimah-kalimah mantera itu merupakan alat komunikasi dengan alam ghaib yang dipelajari oleh seseorang. Mantera juga dipercayai sebagai pemberian dari alam ghaib atau suatu karangan daripada tok guru yang melakukan ilmu perguruan. Pengucapan mantera boleh melahirkan suatu daya kekuatan kesaktian seperti kekuatan yang luar biasa.

3.3.5. “Tirakat”

“Tirakat” merupakan amalan berpantang daripada makan selain nasi putih pada hari Isnin dan Khamis yang dikenali sebagai “mutih”. Amalan ini adalah dengan berpuasa pada bulan puasa dan kadangkala berpuasa dalam beberapa hari (“nglowong”) mendekati hari-hari besar dalam Islam seperti “bakda” besar (bulan pertama menurut perhitungan Jawa), iaitu bulan Syura (Koentjaraningrat, 1953). Amalan tirakat perlu makan sedikit demi sedikit dan tidak boleh makan melebihi makanan yang boleh dikepal dalam satu tangan (“ngepel”) serta dimakan dalam satu atau dua hari (Simuh, 1988). “Tirakat juga adat berpuasa dan mengasingkan diri dalam satu ruangan (“ngebleng”)” (Koentjaraningrat, 1953, p.371). Tujuan tirakat adalah untuk mendisiplinkan diri dengan menahan nafsu dan perasaan sabar. Tirakat juga dapat dijalankan ketika waktu-waktu tertentu, contohnya ketika berhadapan dengan suatu masalah berat, ketika menghadapi krisis dalam keluarga atau hubungan dengan orang lain, ketika berlakunya bencana alam, epidemi dan sebagainya (Koentjaraningrat, 1953). Simuh (1988) menjelaskan bahawa menjalankan tirakat dalam situasi seperti itu diibaratkan seperti tanda rasa prihatin oleh orang Jawa yang dianggap perlu ada apabila seseorang berada dalam situasi bahaya.

3.3.6. Puasa (“siyam”)

Puasa (“siyam”) adalah menahan diri dari rasa dahaga dan lapar serta bersikap prihatin. Puasa sebagai sarana penguat batin dan ibadah. Simuh (1988) menjelaskan, dalam amalan kejawen bermacam-macam jenis puasa seperti:

- i. Ramadhan-puasa wajib dalam bulan Ramadhan.
- ii. “nyenin” (isnin), “kemisan” (khamis), rutin pada tiap-tiap minggu
- iii. “ngerawat” - hanya makan sayuran selama 9 hari 9 malam.
- iv. “patigeni” - dengan berpantang daripada makanan yang dimasak menggunakan “geni” (api) selama 1 hari 1 malam dengan melakukannya di dalam suatu ruang yang gelap gelita dan tidak dapat dimasuki sinar cahaya.
- v. “ngebleng” - tidak tidur dan tidak makan selama 3 hari 3 malam dan mengasing diri dalam suatu ruang.
- vi. “mutih” - hanya memakan nasi selama 7 hari berturut-turut.

3.3.7. "Mutih"

"Mutih" adalah amalan dengan berpuasa pada hari Isnin dan Khamis dan hanya dibenarkan memakan nasi putih (mutih) tanpa lauk-pauk" (Koentjaraningrat, 1953, p.371). Tujuannya adalah untuk menahan nafsu dan melatih sifat kesabaran bagi mendapatkan hati dan jiwa yang bersih. Simuh (1988) menyatakan perbuatan mutih ini diharapkan mampu mengumpulkan kekuatan mengusir "dhemit", "dhayang" dan jin syaitan "peripayangan" yang sering mengganggu manusia.

3.3.8. "Patigeni"

"Patigeni adalah melakukan sesuatu upacara dalam ruangan gelap yang tidak dapat dimasuki sinar cahaya. Upacara ini termasuklah berpuasa dan masuk ke dalam bangunan yang gelap, sembunyi di dalam hutan, masuk ke dalam perigi buta dan tempat-tempat yang ditakuti oleh manusia untuk pergi dan tinggal" (Koentjaraningrat, 1953, p.371). Tujuannya adalah untuk melatih diri daripada sifat kesabaran, kental, berhati waja dan membuang sifat penakut.

3.3.9. Bertapa ("tapabrata")

Upacara bertapa merupakan suatu penarikan diri daripada keinginan dan minat kepada dunia luar yang bersifat sementara dan kaedahnya adalah dengan duduk lurus dan berdiam diri mutlak serta mengosongkan diri dari semua isi dunia (Koentjaraningrat, 1953). Bertapa adalah untuk menyucikan jiwa dan memperoleh kesempurnaan roh. Jiwa akan menjadi kuat setelah berlakunya kekangan terhadap nafsu dunia secara terarah dan tekak. Tujuan upacara ini adalah untuk mendapat kesaktian dan membolehkan diri berkomunikasi dengan perkara ghaib. Terdapat beberapa jenis atau macam dari bertapa, diantaranya ialah, "ngeli", "ngrame", "mendem", "ngalong", "ngruwat", "bisu", "ngidang", "ngramban", "ngambang", "tilem", "mutih" dan "mangan". Jenis perbuatan bertapa tersebut berbeza-beza namanya kerana setiap pertapaan adalah berbeza cara perbuatannya (Simuh, 1988; Alwi Shihab, 2001).

4. Proses Ritual dalam Kuda Kepang

Proses ritual dilakukan dalam kuda kepang untuk mewujudkan keadaan mabuk dan menghasilkan permainan kuda kepang. Proses ritual dilakukan oleh gambuh dalam kumpulan. Bagi masyarakat Jawa, salah satu cara untuk menghimpunkan komuniti adalah dengan mengadakan persembahan permainan kuda kepang kerana keadaan mabuk yang terjadi memanjangkan persembahan.

Upacara ritual dalam permainan kuda kepang dimulai dengan buka gelanggang, pembakaran kemenyan, penyediaan sajen, bacaan mantera, susunan proses ritual persembahan sehinggalah upacara tutup gelanggang. Tujuan proses ritual dilakukan adalah untuk berinteraksi dengan roh nenek moyang dan mewujudkan situasi mabuk (Rizky & Dhalia 2021; Mohd Kipli, 2006). Mereka yang hendak mengambil isim harus melakukan ritual-ritual amalan kejawen dalam permainan kuda kepang (Karjo Supoyo, temu bual peribadi, Ogos 30, 2018). Pemilihan ritual yang harus dibuat adalah bergantung melalui arahan oleh tok guru yang memberi isim. Kandungan 'isi' dalam alatan persembahan juga merupakan proses ritual. Proses ritual dalam persembahan terlaksana setelah semua pemain dipulihkan sepenuhnya.

Hasil kajian mendapati segala proses ritual dalam permainan kuda kepong yang dilakukan adalah amalan kejawen. Interaksi dengan makhluk halus, pemilikan isim dan pengisian isi juga amalan kejawen. Selain amalan kejawen yang dinyatakan di atas, terdapat beberapa lagi ritual amalan kejawen masyarakat Jawa tetapi amalan tersebut tidak berkaitan dengan permainan kuda kepong. Oleh sebab itu, pengkaji tidak menyenaraikan amalan tersebut dalam penulisan ini.

5. Kesimpulan

Beberapa kelompok masyarakat Jawa yang bermastautin di negeri Johor masih membuat persembahan kuda kepong sebagai tradisi mereka. Kelompok ini telah tinggal lama dan mahu mempertahankan budaya ibunda mereka memandangkan hanya tarian kuda kepong sahaja yang tinggal setelah kepupusan barongan, wayang kulit dan ludruk. Kumpulan kuda kepong yang dikaji telah melakukan proses ritual dalam setiap persembahan permainan kuda kepong mereka dan ritual tersebut adalah amalan kejawen. Hal ini menunjukkan, tanpa amalan kejawen tarian kuda kepong tidak akan berubah strukturnya dan permainan kuda kepong tidak akan terhasil kerana segala proses ritual sama ada sebelum, semasa dan selepas persembahan adalah amalan kejawen dan pemain telah mempraktikkannya untuk menghasilkan keadaan mabuk dalam persembahan. Bagi masyarakat luar mereka menganggap kuda kepong adalah sejenis tarian sahaja tetapi bagi masyarakat pendokong kuda kepong adalah alat komunikasi mereka untuk berhubung dengan perkara ghaib dengan melakukan proses ritual sebelum tarian kuda kepong dilakukan. Kelompok ini tetap mempertahankannya kerana ritual dan amalan adalah hak mereka dan ritual adalah rujukan mereka.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikut kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Para penulis mengucapkan terimakasih kepada informan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Penerbitan ini menggunakan dana pribadi.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengurangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abbas Mohd. Shariff. (2002). *Budaya dan Falsafah Orang Melayu*. Singapura: Universiti Teknologi Nanyang.
- Abdul Rahman Abdullah. (2022). *Pemikiran Islam Jawa*. Kuala Lumpur: Kafilah.
- Alwi Shihab (2001). *Islam Sufistik. "Islam Pertama" dan Pengaruhnya Hingga Kini di Indonesia*. Bandung: Mizan.
- Barbara, A. B. (2018). *Art, Ritual and Trance Inquiry*. Switzerland: Springer Nature.
- Belo, J. (1960). *Trance in Bali*. New York: Columbia University Press.
- Djoko Widagdo. (2000). "Sikap Religius Pandangan Dunia Jawa". *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Ed.M. Darrori Amin, 65-84. Yogyakarta: Gama Media.
- Elmeida Effendy, & Silvana, R. R. G. (2019). Post -Dissociative Trance Disorder- Traditional Culture of Nini Pagar from Tigabinanga. *Journal of Medical Science*, 7 (16), 2686-2687.
- Geertz, C. (1964). *The Religion of Java*. London: The Free Press of Glencoe.
- Gennep, A, V. (1960). *Rites of Passage*. Chicago: The University of Chicago.
- Gowan, J, C. (1975). *Trance, Art and Creativity*. New York: Northridge.
- Heristina Dewi. (2016). Keberlanjutan dan Perubahan Seni Pertunjukan Kuda Kepang di Sei Baman, Serdang Bedagai, Sumatera Utara. *Jurnal Panggung*, 2(26), 140-150.
- Ina Dinawati. (2010). Istilah-Istilah Sesaji Dalam Tradisi Merti Desa di Desa Dadapayam Kecamatan Suruh Kabupaten Semarang. *Skripsi Sarjana. Universitas Sebelas Maret. Surakarta*. 1-79.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismawati. (2002). Budaya dan kepercayaan Jawa masa pra- Islam. *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Ed.M. Darrori Amin, 3-24. Yogyakarta: Gama Media.
- Kholid Karomi. (2013). Tuhan dalam Mistik Islam Kejawaen (kajian atas pemikiran Raden Ngabehi Ranggawarsita). *Jurnal Khalimah*, 2 (11), 287-304.
- Koentjaraningrat (1953). *Javanese Culture*. Singapore: Oxford University Press.
- M. Darrori Amin (2002). Sinkretisme dalam Masyarakat Jawa". *Islam dan Kebudayaan Jawa*". Ed M. Darrori Amin, 85-118. Yogyakarta: Gama Media.
- Mohamed Ghouse Nasruddin. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2009). *Mabuk Mistikal: Semiotik Metafizik dalam Kuda Kepang Mabuk*. Pulau Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2006). "Trance" dalam Kuda Kepang Mabuk (KKM): Suatu Manifesti Simbolik Perjalanan Kerohanian. *Wacana Seni Journal of Art Discourse*, 8 (5), 17-41.
- Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2013). Tari Ritual Kuda Kepang Mabuk: Inisiasi Simbolik Perjalanan Mistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6 (2), 190-209.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Malay Folks Beliefs*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Sulton. (2002). Interelasi Nilai Jawa dan Islam Perspektif Ekonomi. *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Ed.M. Darrori Amin, 224-247. Yogyakarta: Gama Media.
- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan pemerintahan Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rappaport, R, A. (1967). *Pigs for the Ancestors*. New Haven and London: Yale University Press.
- Ridin Sofwan. (2002). Interelasi Nilai Jawa dan Islam dalam Aspek Kepercayaan dan Ritual. *Islam dan Kebudayaan Jawa*. Ed. M. Darrori Amin, 86-119. Yogyakarta: Gama Media.

- Rizky Agung, & Dhalia Soetopo. (2021). Budaya Kesurupan Seni Tradisi Jaranan di Banyuwangi. *Seminar Nasional Universitas PGRI Banyuwangi*, 7 (1), 16-22.
- Roslina Abu Bakar. (2014). Tarian Kuda Kepang: Animisme dalam Kesenian Masyarakat Jawa". *Jurnal Peradaban Melayu*, 9 (2), 30-44.
- Royce, A.P. (1977). *The Anthropology of Dance*. Bloomington and London: Indiana University Press.
- Simuh. (1988). *Mistik Islam Kejawen Raden Ngabehi Ranggawarsita*. Jakarta: UI press.
- Sri Suhandjati. (2002). Dinamika Nilai Jawa Islam dan Tantangan Modernisasi. *Ed M. Darrori Amin*, 277-290. Yogyakarta: Gama Media.
- Suseno, M. F. (1999). *Etika Jawa: Sebuah Analisa Falsafi tentang Kebijakan Hidup Jawa*. Jakarta: Gramedia.
- Suwardi Endraswara. (2004). *Mistik Kejawen, Sinkretisme, Simbolisme dan Sufisme dalam Budaya Spiritual Jawa*. Yogyakarta: Narasi.
- Thomas Hendriko & Elmeida Effendy. (2019). Kuda Kepang: A Case Report of Javanese Cultural-Related Trance in Medan. *Journal of Medical Sciences*.ED. 7 (6), 2705-2707.
- Widyawati Ahmad. (2003). *Upacara Tradisi Labuh Sesaji Sebagai Daya Tarik Wisata Budaya di Obyek Wisata Telaga Sarangan Kecamatan Sarangan*. Yogyakarta: Politeknik API.